



Arus moden masa kini memerlukan perbelanjaan yang besar dalam kehidupan seharian terutamanya kepada eksekutif muda yang rata-rata ingin mencari kepuasan dalam berbelanja untuk keperluan harian. Malah kadang-kadang duit gaji sahaja belum tentu dapat memenuhi kehendak “jiwa muda” yang sentiasa inginkan barangan berjenama dan eksklusif.

PERNIAGAAN SUBLET GANDAKAN DUIT BULANAN EKSEKUTIF MUDA

Mohammad Bin Abdullah
UITM Cawangan Johor



Oleh hal yang demikian, semakin ramai eksekutif muda menjalankan kerja-kerja sambilan bagi menambah duit gaji yang diperolehi setiap bulan. Ada di antara mereka yang berniaga secara langsung atau di internet, malah ada yang membuka gerai jualan samaada di tapak pesta ataupun di uptown. Tetapi kesemua perniagaan yang melibatkan jualan ini memerlukan masa dan tenaga yang banyak dalam mengaut keuntungan. Di sini saya ingin kongsi sedikit info berkenaan perniagaan sublet yang sangat membantu dalam menambahkan sumber pendapatan yang tidak memerlukan banyak masa dan tenaga. Mungkin ramai yang tertanya-tanya apa sebenarnya perniagaan sublet dan bagaimana ia boleh membantu dalam menjana pendapatan. Sublet merupakan sewa atas sewa iaitu rumah yang kita sewa disewakan pula kepada orang lain. Sublet tidak salah disisi undang-undang asalkan kita sebagai penyewa mendapat keizinan bertulis daripada tuan rumah sebelum rumah itu dibuat sebagai perniagaan sublet. Bagi golongan muda yang baharu sahaja bekerja, mana mungkin dapat mengumpul hartanah yang banyak. Oleh itu, jalannya adalah dengan menyewakan rumah yang kita sewa kepada orang lain. Terdapat beberapa cara yang diguna pakai dalam mendapatkan keuntungan sublet ini antaranya sewa per rumah, sewa per bilik atau sewa per kepala (individu). Dari semi keuntungannya pula, sebagai contoh, bayaran rumah yang disewa adalah seribu sebulan (RM1000), apabila rumah tersebut disewakan secara per bilik, misal kata RM400 di darabkan dengan 4 bilik maka jumlah keseluruhan menjadi RM1600 sebulan dan keuntungannya adalah RM600 setiap bulan. Bagi memikat hati penyewa, rumah hendaklah berkeadaan bersih, dilengkapi perabot dan biasanya harga sewa termasuk bayaran utiliti seperti bil air dan elektrik. Sekiranya kita pandai memancing penyewa, kita boleh tambahkan astro dan wifi secara percuma dan kita boleh menaikkan harga bilik sewa berkenaan. Walaupun keuntungan sublet ini jelas akan tetapi kita sebagai seorang subletter perlu berhadapan risiko modal, untung dan rugi. Seringkali kita sebagai subletter dikatakan untung atas angin atau mengambil kesempatan, akan tetapi perlu diingat adakalanya subletter perlu menanggung dulu pembayaran duit bayaran sewa kepada tuan rumah sekiranya penyewa lambat membuat bayaran atau tiada penyewa yang berminat untuk menyewa. Ini kerana rumah yang disewa telah pun ada perjanjian tarikh bayarannya. Sebagai kesimpulan, eksekutif muda perlu kreatif dan berani dalam menceburi bidang perniagaan, tidak kira apa jenis perniagaan sekalipun dalam menambah pendapatan bulanan.